



Kitab 'Falsafah dan Prinsip Asas Perubatan Melayu' di tulis oleh Nornizam Ngadeni. Tebal kitab ini sebanyak 175 halaman dan berkulit lembut. Genre buku ini adalah berkaitan Perubatan Tradisional dan Komplementari.

Berikut ini diterangkan sinopsis daripada kitab tersebut. Perubatan Melayu telah diamalkan oleh masyarakat Melayu di Nusantara Melayu sejak berkurun lamanya. Pembuktian amalan Perubatan Melayu diketemukan melalui sumber manuskrip-manuskrip Kitab Tibb (Kitab Perubatan Melayu) seperti;

1. Kitab Bustan Al-Salatin, Bab ke-tujuh, fasal ke-tiga menyatakan Ilmu Tasyrih dan Ilmu Tibb; Karya Sheikh Nuruddin Al-Ranirri pada tahun 1638 masihi di Aceh Dar As-Salam.
2. Kitab Al-Rahmah fi al-Tibb wa Al-Hikmah; Karya Sheikh Abbas Kuta Karang, Aceh pada tahun 1857 masihi.
3. Kitab Tayyib Al-Ihsan fi tibb Al-Insan; Karya Sheikh Ahmad Al-Fatani pada tahun 1894 masihi.

Perubatan Melayu dan Perbomohan Melayu adalah dua perkara yang berbeza sama sekali. Ilmu Perubatan Melayu mempunyai sumber teras yang sangat kukuh yakni bersumberkan teras ilmu Wahyu iaitu Al-Quran dan Al-Hadis. Aliran ilmu Perubatan Melayu juga datangnya dari Greek, Arab dan Melayu yang menjadikan ianya unik dan holistik dan diperkayakan lagi dengan pelbagai modaliti (bidang amalan) yang diamalkan.

Ilmu Perubatan Melayu terdiri daripada:-

1. Ilmu Perubatan Melayu Teoretikal
2. Ilmu Perubatan Melayu Praktikal

Perubatan Melayu Teoretikal ialah ilmu yang bersifat ilmiah yang menerangkan konsep perubatan tanpa melibatkan aplikasi dan amalan. Perubatan Melayu Teoretikal membahaskan konsep tubuh yang sihat dan sakit, serta punca dan tanda bagi kedua-dua keadaan tersebut. Kesemuanya dapat dikaji dalam empat bidang;

1. Kaji Sihat
2. Kaji Sakit
3. Kaji Punca

4. Kaji Tanda

Perubatan Melayu Praktikal membincangkan aplikasi Perubatan Melayu Teoretikal demi mencapai kedua-dua matlamat ilmu perubatan iaitu mengekalkan kesihatan dan menghilangkan penyakit. Jadi ada dua topik utama bagi Perubatan Melayu Praktikal;

1. Kaji Jaga
2. Kaji Rawat

FALSAFAH PERUBATAN MELAYU

1. Berusaha untuk menghasilkan dan memelihara kesihatan tubuh badan manusia secara menyeluruh daripada penyakit rohaniahnya dan jasmaniahnya, agar memperoleh keseimbangan *aql, nafs* dan jasad, supaya menjadi insan yang sihat pada zat, sifat dan *a f'al* (perbuatannya) untuk melakukan pengabdian diri secara ikhlas kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

2. Bermula, Tibb (perubatan) itu ilmu yang dengan dia dipelihara sihat yang ada dan dengan dia dikembalikan sihat yang telah hilang - *Tayyib al-Ihsan fi tibt al-Insan*, Sheikh Ahmad al-Fatani

PRINSIP ASAS PERUBATAN MELAYU

Tubuh manusia terdiri daripada 2 jujuk;

1. Roh
2. Jasad

Roh terdiri daripada 2 bahagian;

Kuliah Perubatan

Written by Nizam

Sunday, 31 August 2008 17:55 - Last Updated Sunday, 24 February 2019 23:18

1. 'Aql (aqal fikiran)
2. Nafs (jiwa)

Jasad terdiri daripada 4 unsur;

1. Api
2. Angin
3. Air
4. Tanah

Mizaj(sifat) atau Tabi'ah bagi unsur;

1. Api bersifat panas/hangat dan kering
2. Angin bersifat panas/hangat dan basah/lembab
3. Air bersifat sejuk/dingin dan basah/lembab
4. Tanah bersifat sejuk/dingin dan kering

Akhlāt (Humor/cecair tubuh);

1. Dam(darah)
2. Balgham(dahak)
3. Safra' (hempedu kuning)
4. Sauda' (hempedu hitam)

Anggota

1. 40 Anggota
2. 7 Penghulu Anggota

Tenaga/Quwwah

Kuliah Perubatan

Written by Nizam

Sunday, 31 August 2008 17:55 - Last Updated Sunday, 24 February 2019 23:18

Tenaga adalah keupayaan tubuh manusia mentadbir kesemua aktiviti/pemprosesan dalam tubuh manusia. Terbahagi kepada 2 tenaga;

1. Tenaga/quwwah ruhaniyyah
2. Tenaga/quwwah jasmaniyyah

Afa'l/Fungsi

Keadaan di mana proses-proses atau aktiviti yang berlaku di dalam tubuh manusia yang jasmani. Terbahgi kepada dua;

1. Fungsi Tunggal
2. Fungsi Gabung

Bidang amalan (modaliti) Perubatan Melayu

1. Terapi Penawar Doa ('aql dan jiwa)
2. Terapi Mandian
3. Terapi Pemakanan
4. Terapi Herba Alami
5. Terapi Urutan
6. Terapi Penjagaan ibu selepas melahirkan anak
7. Terapi Senaman dan Nafas
8. Terapi Bekam
9. Terapi Resdung
10. Terapi Kayap
11. Terapi Barah
12. Terapi Patah Tulang
13. Terapi dengan berkhatan
14. Petua dan Pantang larang

Sumber Rujukan;

1. [\[1\]](#) Kitab Perubatan Melayu

2. Kitab Perubatan Melayu; Al-Rahmah fi Al-Tibb wa Al-Hikmah; Sheikh Abbas Kuta Karang, Aceh; Perumian Mohd Effendi Mohd Shafri dan Hermansyah Muhammad Yahya; Akademi Jawi Malaysia; 2017; [ISBN 978-967-14748-6-0](#)

3. Kitab Perubatan Melayu; [Tayyib Al-Ihsan fi Tibb Al-Insan](#); Sheikh Ahmad Al-Fatani; Perumian Mohd Effendi Mohd Shafri; Khazanah Fataniah dan Klasika Media; 2015; [ISBN 978-983-9701-93-7](#)

4. Risalah Ilmu Perubatan; Naseer Sobree; Baytul Hikma; 2016; [ISBN 978-967-13826-2-2](#)

5. Manuskrip Perubatan Melayu di Fatani ; [Jurnal](#)

6. [Bustan Al-Salatin](#)

Kuliah Perubatan

Written by Nizam

Sunday, 31 August 2008 17:55 - Last Updated Sunday, 24 February 2019 23:18
